

23 MAY 1997

Mahathir-Tanah

ADA KERAJAAN NEGERI TIDAK PATUH KERAJAAN PUSAT: MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan usaha beberapa kerajaan negeri yang bertindak "bertentangan" dengan kerajaan pusat, terutama berhubung pengambilan balik tanah rakyat.

Dan beliau menegaskan bahawa tindakan kerajaan negeri mengambil balik tanah itu adalah salah.

Dr Mahathir berkata semasa kerajaan pusat baru-baru ini mempermudah prosedur pengambilan balik tanah untuk tujuan pembangunan, ia mendapati ada kerajaan negeri berbuat demikian dengan tujuan menjualnya bagi mendapatkan keuntungan.

"Ini salah. Sebab itulah kerajaan pusat sekali lagi meminda undang-undang tanah. Ini adalah antara perkara yang berlaku walaupun kita cuba melakukan sesuatu yang kita anggap baik untuk rakyat," katanya kepada wartawan Malaysia di hotel kediamannya pada akhir lawatan lima harinya ke Britain.

Katanya walaupun perkara tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, mereka bagaimanapun tidak lagi bebas untuk bertindak sesuka hati berikutan pindaan yang diluluskan terhadap Akta Pengambilan Balik Tanah.

Ini bermakna kerajaan negeri mesti mematuhi dasar kerajaan pusat mengenai pengambilan balik tanah.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat juga merancang untuk menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di seluruh negara supaya selaras dengan pentadbiran di peringkat pusat.

"Kita cuba ke arah ini kerana pada masa ini perkara-perkara berkaitan dengan agama tertakluk di bawah raja-raja dan kadang kala raja-raja beranggapan mereka tidak perlu akur dengan dasar-dasar persekutuan. Tetapi kita akan memujuk mereka," katanya.

Mengenai lawatannya ke sini dalam promosi penggalakan Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr Mahathir berkata kehadiran kira-kira 1,000 eksekutif utama dalam industri teknologi maklumat dari seluruh Eropah pada seminar MSC pada Selasa memberinya keyakinan lebih mengenai kejayaan MSC.

"Sebenarnya, bagi saya tidak ada mana-mana projek di Malaysia yang lebih dikenali seperti MSC dalam masa yang singkat selepas pelancarannya," katanya.

London ialah persinggahan ketiga Dr Mahathir dalam pameran bergerak mengenai MSC yang sebelum ini membawanya ke California di Amerika Syarikat dan Jepun.

Katanya beliau akan membuat promosi penggalakan yang sama ke Pantai Timur di Amerika Syarikat tetapi masanya belum ditetapkan.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa walaupun para pelabur yang menempatkan operasi mereka di pusat multimedia akan dilayan sebagai "tetamu istimewa" negara berikutan adanya undang-undang khas dan insentif, tetapi ini tidak bermakna yang Malaysia akan menjadi "sebuah negara dengan dua sistem".

Katanya adalah tidak perlu dikhuatiri mengenai perbadanan IT asing tidak mengambil pekerja Malaysia di MSC kerana akan berlaku kekurangan pekerja yang berkemahiran apabila pusat multimedia itu beroperasi sepenuhnya kelak.

"Dalam apa halpun, syarikat-syarikat Malaysia akan mengambil pekerja rakyat tempatan jika ada. Tetapi kita tidak akan memaksa mereka berbuat demikian," katanya.

Perdana Menteri juga berkata hanya aktiviti yang berkaitan dengan IT

akan layak menerima pakej insentif dalam MSC, jika tidak syarikat-syarikat lain yang tidak ada kaitan dengan IT hanya akan memasuki koridor raya itu bagi mengambil peluang daripada pakej itu.

Antara lain, MSC tidak menghadkan ekuiti asing dalam projek-projek dan syarikat-syarikat boleh membawa seberapa banyak pekerja asing yang mereka mahu tanpa sebarang karenah birokratik.

Dr Mahathir berkata pada sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan Asean di Kuala Lumpur pada akhir tahun ini, beliau akan memberi penerangan lanjut mengenai MSC kepada rakan-rakan sejawatannya.

"Ia bukan semata-mata untuk mempelawa penyertaan tetapi adalah baik jika kita dapat menyelaraskan pembangunan dalam industri multimedia menerusi hubungan yang baik," katanya.

Semasa ditanya mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Britain yang baru Tony Blair di 10 Downing Street di sini pada Selasa, Dr Mahathir berkata Blair amat ingin mengetahui penilaiannya mengenai perkembangan politik di Asia Timur, terutama dalam hubungan dengan China.

Perdana Menteri dijadual berlepas ke London pada Jumaat untuk bercuti dua minggu di Argentina.

-- BERNAMA.

AU AHH